



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
: 03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

KK/BSBB/10/72 Jld. 10 (28)

26 Januari 2018

**Senarai Edaran seperti di Lampiran A**

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Dr.,

**MAKLUMAN DARIPADA KEMENTERIAN LUAR NEGERI BERKAITAN
JEMPUTAN DARI MAGHRIBI KE FORUM CRANS MONTANA PADA
15-20 MAC 2018 DI DAKHLA, SAHARA BARAT (WESTERN SAHARA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Dr., Kerajaan Maghribi berkemungkinan akan memanjangkan jemputan kepada Agensi / Kementerian ke Forum Crans Montana yang akan diadakan pada 15-20 Mac 2018 bertempat di Dakhla, Sahara Barat (*Western Sahara*)
3. Dalam hubungan ini, Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui suratnya bil. SR(050)384-174 (01) bertarikh 12 Januari 2018 tidak mengesvorkan mana-mana pihak yang dijemput untuk hadir menyertai forum tersebut berdasarkan seba-sebab berikut:
 - i. Dakhla merupakan sebuah bandar yang terletak di Sahara Barat dan ia merupakan kawasan yang dipertikaikan di antara Maghribi dan *Sahrawi Arab Democratic Republic* (SADR). Terdapat kemungkinan pihak Maghribi akan menggunakan lokasi forum tersebut sebagai langkah politik untuk memperkukuhkan tuntutan mereka ke atas Sahara Barat (*exercise of sovereignty*);
 - ii. African Union telah mengeluarkan kenyataan bantahan terhadap penganjuran Forum "Crans Montana" di Dakhla pada 12-14 Mac 2015 kerana Maghribi tidak mempunyai kedaulatan ke atas Sahara Barat. Tambahan lagi, terdapat tuntutan daripada rakyat Sahara Barat untuk mengadakan referendum bagi menentukan status Sahara Barat sama ada menjadi sebahagian daripada wilayah Maghribi atau mendirikan negara sendiri dan terpisah daripada Maghribi; dan
 - iii. Penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia di dalam forum tersebut boleh disalah-tafsirkan bahawa Malaysia telah mengiktiraf kedaulatan Maghribi ke atas Sahara Barat dan ini bertentangan dengan pendirian Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

4. Bersama-sama ini dilampirkan surat KLN tersebut yang jelas menerangkan maksudnya untuk perhatian dan makluman YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Dr. jua.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SHAHROL ANUWAR BIN SARMAN)
Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

☎ 03-88823111
☎ 03-88824325
✉ sanuwar@treasury.gov.my